

13 SEP 2003

JPJ-Bajet

5.6 JUTA PEMILIK MOTOSIKAL NIKMATI FAEDAH PENGECUALIAN CUKAI JALAN

BUKIT MERTAJAM, 13 Sept (Bernama) -- Kira-kira 5.6 juta pemilik motosikal berkuasa rendah di bawah 150cc akan menikmati faedah pengecualian cukai jalan seperti diumumkan dalam Bajet 2004 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Datuk Emran Kadir berkata, jumlah itu merupakan 80 peratus daripada 7 juta motosikal yang berdaftar dengan jabatan itu di seluruh negara.

"Jumlah motosikal yang berdaftar adalah sebanyak 7 juta dan sebanyak 80 peratus daripadanya adalah yang berkuasa rendah bawah 150cc yang bakal menikmati pengecualian cukai jalan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Anugerah Khidmat Cemerlang Zon Utara di sini hari ini.

Katanya, JPJ akan melaksanakan pengecualian cukai jalan itu sebaik sahaja menerima arahan daripada kerajaan.

Beliau berkata JPJ juga bersedia untuk membayar semula wang kepada pemilik motosikal terbabit dan orang kurang upaya yang telah membayar cukai jalan bagi tempoh pengecualian cukai jalan itu dikuatkuasakan.

Emran berkata, mereka yang termasuk dalam kategori dikecualikan cukai jalan itu boleh menuntut semula wang mereka di pejabat-pejabat JPJ jika telah membuat pembayaran dalam tempoh pengecualian cukai mula dilaksanakan.

Katanya, bagaimanapun para pemilik kenderaan berkenaan masih perlu mempunyai insurans kerana cukai jalan dan insurans adalah dua perkara yang berbeza.

"Insurans adalah untuk perlindungan pihak ketiga dan pengecualian cukai jalan tidak bermakna mereka tidak perlu memiliki insurans," katanya.

Terdahulu itu, dalam ucapannya, beliau menggesa kakitangan JPJ sentiasa peka dengan perubahan dan kehendak pengguna bagi memastikan mutu perkhidmatan jabatan itu terus unggul.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan anugerah khidmat cemerlang kepada 91 kakitangan JPJ dari Perak, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

-- BERNAMA

AZE RHM